

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JANUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

Kurangkan fokus projek mega

RMK-12 beri tumpuan lebih kepada projek pendidikan, kesihatan, banjir

Kurangkan fokus projek mega

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS – Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang kini memasuki separuh penggal pelaksanaan akan memberi tumpuan kepada projek pendidikan, kesihatan dan kepentingan rakyat termasuk tebatan banjir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tumpuan RMK-12 dan seterusnya tidak akan memberi fokus berlebihan terhadap projek-projek mega.

"Keperluan dalam RMK seterusnya, tumpuan kita beralih daripada projek-projek besar terhadap pendidikan, kesihatan dan kepentingan rakyat termasuk tebatan banjir.

"Kita akan membantu golongan peringkat bawahan (B40)," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan dan pegawai agensi kerajaan Persekutuan Terengganu di sini semalam.

Terdahulu, beliau memulakan lawatan rasmi pertamanya di Terengganu dengan menghadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu.

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan diterajuinya akan menerapkan teman Rahmah dalam program-program yang memberi keutamaan membantu rakyat.

Sehubungan itu, beliau



ANWAR (dua dari kanan) semasa mengadakan pertemuan bersama ketua jabatan dan pegawai kanan kerajaan Persekutuan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Nerus semalam. – PUQTRA HAIRY

mengambil sikap terbuka untuk bekerjasama dengan semua kerajaan-kerajaan negeri termasuk yang diterajui pembangkang demi kelancaran projek berkepentingan rakyat.

"Saya minta semua ketua agensi-agensi kerajaan Persekutuan (di negeri-negeri) menerus-

kan kerja mereka dan mengetahui keutamaan," katanya.

Dalam pada itu, ujar Anwar, beliau terbuka dengan cadangan kerjasama Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri.

Beliau berkata, perbincangan

lanjut berhubung kerjasama politik berkenaan termasuk penggunaan logo dalam PRN tersebut akan diadakan pada masa sesuai.

"Terlalu awal untuk berbincang (kerjasama PH dan BN). Sebulan dua ini hanya tumpu soal kerja (pendaftaran negara), belum lagi bincang PRN," katanya.